

# Malaysia penting bagi Australia

B.H 26 NOV 1993

CANBERRA, Khamis — Menteri Luar Australia, Gareth Evans hari ini memberitahu Parlimen bahawa Malaysia adalah penting kepada Australia dan meminta isu yang boleh mengeruhkan hubungan kedua-dua pihak dikawal.

Dalam kenyataan yang dianggap sebagai usaha untuk meredakan perbezaan politik negaranya dengan Malaysia, Evans berkata hubungan Australia-Malaysia memberi manfaat besar kepada kedua-dua negara.

"Kedua-dua pemimpin kita gemar menyatakan pendapat dan pendirian mereka secara terbuka.

Tetapi, saya yakin hubungan dua hala yang sedia terjalin mampu menghadapi perbezaan pendapat itu," katanya.

Malaysia adalah rakan dagangan ke-13 terbesar bagi Australia dengan jumlah dagangan dua hala A\$2.3 bilion (RM3.75 bilion) pada 1992-1993, berbanding A\$1.5 bilion (RM2.3 bilion) dua tahun sebelumnya.

Ditanya kesan kenyataan Keating, Evans berkata: "adalah penting bagi kerajaan mengawal isu seperti itu".

Kenyataan Evans dibuat selepas Keating mengkritik Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ma-

hathir Mohamad yang enggan menghadiri sidang kemuncak Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) di Seattle, Amerika Syarikat akhir minggu lalu.

Keating menyifatkan Dr Mahathir sebagai 'kepala batu' kerana enggan menghadiri mesyuarat itu.

Dr Mahathir yang kesal dengan kenyataan itu sebaliknya menyifatkan "Australia sebagai tidak memiliki nilai bersopan sebagaimana diamalkan oleh masyarakat Asia".

Semalam beberapa pemimpin Umno mendesak supaya Malaysia menimbang semula hubungan-

nya dengan Australia jika Keating tidak meminta maaf berikutan kenyataannya itu.

Di MELBOURNE, Pengerusi McKinsey and Company, Jepun, Kenichi Ohmae, menyifatkan negara-negara yang menganggotai Apec sebagai membuat kesilapan kerana membenarkan Presiden Amerika Syarikat, Bill Clinton menetapkan agenda bagi sidang kemuncak pertama pemimpin Apec, di samping menggunakannya untuk kepentingan politik dalam negara.

Ohmae yang juga penganalisis perdagangan antarabangsa berkata si-

dang kemuncak itu memecah-belahkan negara Asia.

Berucap dalam satu persidangan antarabangsa, beliau berkata sesetengah negara anggota, seperti Amerika Syarikat, Australia dan Singapura menyokong perdagangan bebas 'sepenuh atau sebaliknyanya tanpa syarat' manakala yang lain berhempas-pulas untuk bergerak ke arah itu.

Dua daripada tiga pemimpin paling berkarnisme Asia Timur, Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Lee Teng Hui dari Taiwan tidak ha-

**LIHAT MUKA 2**

# Malaysia penting bagi Australia

## DARI MUKA 1

dir dalam sidang kemuncak itu.

Beliau berkata, tokoh ketiga, Perdana Menteri Australia, Paul Keating, melakukan inisiatif berhubung sidang kemuncak itu, tetapi membiarkan agendanya diambil daripadanya.

"Pemimpin Asia sewajarnya berbincang sesama mereka terlebih dahulu sebelum menghadiri sidang kemuncak pertama Apec di Amerika Syarikat.

"Usaha Presiden Amerika Syarikat menaja perjumpaan itu, menetapkan agendanya, mengadakan persidangan akhbar... bersama media massa dan pemimpin Asia lain adalah untuk dipergunakan sebagai latar belakang agenda dalam negaranya. Pada pendapat saya ia bukan satu idea yang baik," katanya.

Kini, beliau berkata, wujud gambaran yang kuat di Jepun bahawa sidang kemuncak Apec dipergunakan oleh Clinton sebagai satu 'gambaran latar belakang'.

"Sidang kemuncak itu, bagaimanapun, adalah satu peristiwa bersejarah," katanya, "dan kita perlu memanfaatkan rundingan meja bulat seumpama itu."

"Bagaimanapun, saya berpendapat banyak perkara penting lain berlaku di rantau ini, seperti kemunculan kerajaan serantau. Nasihat saya ialah membiarkan kekuatan semula jadi yang sedang berlaku itu berterusan."

Ohmae berkata dasar baru 'pandang ke utara' Australia kurang difahami oleh negara Asia, dan Canberra juga kurang memahami potensi China.